

SARI PUSTAKA

SARI PUSTAKA BIL'2/2012

ISSN : 1675-0241



MARI
MEMBACA
1
MALAYSIA
PERPUSTAKAAN NEGARA MALAYSIA

Sari Pustaka

ULASAN BUKU



MAZLAN MOHAMAD
Magika facebook untuk bisnes anda
Petaling Jaya : True Wealth, 2012. 181 ms.
ISBN 978-967-5428-89-0

ULASAN

Penggunaan *facebook* kini bukan sahaja terhad kepada individu malah ianya turut digunakan oleh pemilik perniagaan. Terdapat tujuh sebab untuk seseorang mempertimbangkan penggunaan *facebook* untuk perniagaan anda iaitu jumlah pengguna *facebook* Malaysia meningkat naik, media sosial pilihan utama untuk alat pemasaran, percuma, pilihan jenama besar, kepelbagai aplikasi, komunikasi dua hala dan pasaran global.

Menerusi buku ini, penulis menggariskan 21 tip dan idea yang amat berguna untuk mereka yang sedang merancang atau telah menggunakan *facebook* sebagai satu daripada alat pemasaran perniagaan.

Buku ini menyediakan panduan ringkas membina laman khas *fan page*, menganjurkan pertandingan dan pengiklanan di *facebook* kepada pembaca. Panduan ini

memudahkan lagi pembaca menyediakan sebarang maklumat yang diingini ke dalam *facebook* mereka.

Terdapat tiga kes studi dalam buku ini. Kes studi pertama ialah melibatkan jenama restoran makanan segera antarabangsa, McDonald's melalui penubuhan Rumah Kebajikan Ronald McDonald's yang menghulurkan bantuan kepada lebih 4.5 juta orang kanak-kanak dan keluarga setiap tahun. Rumah Kebajikan Ronald McDonald's mempunyai *fan page* dan ia diuruskan oleh seorang penyelia komunikasinya. Penyelia tersebut akan memperuntukan antara sejam hingga dua jam untuk memasukkan kandungan ke dalam media sosial mereka dan menjawab komen yang diterima. Penggunaan *fan page* Rumah Kebajikan Ronald McDonald's telah meningkatkan sumbangan sebanyak 130 peratus daripada orang ramai.

Kes studi kedua ialah mengenai *World Wrestling Entertainment* yang sebelum ini dikenali sebagai *World Wrestling Federation* merupakan jenama yang amat dikenali oleh setiap lapisan masyarakat di dunia. Penggunaan *fan page* *World Wrestling Entertainment* telah berjaya menarik 500,000 orang *fan* hanya dalam masa dua bulan walaupun tanpa promosi. Memandangkan sambutan yang diterima adalah di luar jangkaan dan amat menggalakkan, mereka telah mengambil keputusan menutup laman sesawang *World Wrestling Entertainment*.

Kes studi ketiga ialah mengenai AirAsia yang merupakan syarikat penerbangan gergasi yang terkenal dengan pendekatan yang inovatif dalam usaha menarik lebih ramai pengguna menggunakan perkhidmatan penerbangan tambang murah miliknya. AirAsia telah mewujudkan *fan page* di *facebook* untuk para pelanggan di Malaysia, Singapura, Indonesia, Filipina, Thailand, Hong Kong, Taiwan, England, India, Australia dan New Zealand. Oleh kerana *facebook* tidak dibenarkan beroperasi di China, AirAsia menggunakan media sosial negara tersebut iaitu Renren. Penggunaan *fan page* AirAsia ini telah merekodkan jualan 500,000 keping tiket dalam hanya masa 24 jam.

Tip dan idea yang dikongsi oleh penulis ini dapat membantu pemilik perniagaan membina hubungan lebih rapat dengan pelanggan, menarik pelanggan baru, mempromosi produk dan perkhidmatan dengan lebih berkesan, meningkatkan jumlah

pelanggan dan seterusnya jumlah jualan, menjenamakan perniagaan dan menimbulkan kesedaran mengenai jenama tersebut. Tip dan idea yang dihasilkan adalah berdasarkan pemerhatian dan rujukan penulis terhadap penggunaan *facebook* sebagai alat pemasaran oleh jenama-jenama besar dan terkenal seperti McDonald's, *World Wrestling Entertainment*, Peugeot dan AirAsia.


Pengulas:

Abdul Jalil Awang

Penolong Pengarah
Pusat Manuskip Melayu
Perpustakaan Negara Malaysia

Sari Pustaka

ULASAN BUKU



MAHATHIR MOHAMAD, TUN
Malaysiaku

Kuala Lumpur : Dewan Bahasa dan Pustaka, 2012.
28ms.

ISBN 978-983-46-1119-4

ULASAN

Buku ini telah diilhamkan oleh Persatuan Almuni UiTM Malaysia sebagai salah satu usaha meningkatkan taraf bangsa Melayu supaya tetap utuh walaupun berhadapan scenario dunia masa kini yang sering dilanda pelbagai cabaran selain fenomena ledakan maklumat yang menuntut bangsa Melayu agar lebih bijak mengawal akal dan perasaannya. Atas kesedaran tersebut, satu jawatankuasa di bawah naungan Persatuan Alumni UiTM telah ditubuhkan iaitu Portfolio Wacana Intelek dan Acara (WIRA) bagi menyediakan platform komunikasi yang menggalakkan diskusi di kalangan para pemikir bijak pandai bangsa Melayu. Penerbitan ini merupakan permulaan siri WIRA yang diberi tajuk 'MALAYSIAKU' sebagai mengabdikan setiap program Wacana Intelek yang dianjurkan oleh WIRA dengan didahului penyampaian mutiara kata oleh YABhg. Tun Dr. Mahathir Mohamad yang mana beliau memfokuskan mengenai 'Strategi Memartabatkan Melayu dalam Dunia Tanpa Sempadan'. Seperti yang diketahui umum, Tun Dr Mahathir Mohamad merupakan mantan Perdana Menteri ke-4

iaitu WIRA bangsa yang sentiasa menyeru bangsa Melayu agar tidak leka dalam arus globalisasi atau dunia tanpa sempadan sehingga lupa akan asal usul. Bangsa Melayu perlu memahami sejarah secara menyeluruh agar kesilapan masa lampau iaitu dijajah dan dihina oleh bangsa asing tidak berulang kembali.

YABhg. Tun Dr. Mahathir Mohamad menyatakan bahawa bangsa Melayu akan marah kalau disebut bahawa orang Melayu malas. Sebenarnya Melayu tidak malas cuma tidak kuat dan serajin bangsa lain juga kurang berminat untuk berusaha keras. Perangai buruk ini seharusnya diubah bagi memastikan bangsa Melayu dihormati dan mampu bersaing dengan bangsa lain agar bangsa Melayu terus kekal wujud dengan arus globalisasi. Berdasarkan fakta sejarah terdahulu, penyatuan negeri-negeri Melayu tidak secepat negara Itali, Jerman dan China kerana timbul tentangan terhadap penubuhan Malayan Union. Bantahan ini telah menjadikan semua negeri Melayu sebagai tanah jajahan British secara langsung dan bukan tanah yang dilindungi. Namun kita perlu bersyukur kerana Tanah Melayu masih kekal dan kini dikenali sebagai Malaysia.

Kini, Malaysia terdedah dengan pelbagai tekanan dari kuasa asing dan malangnya, segelintir rakyat Malaysia termasuk bangsa Melayu sendiri telah tewas dengan tekanan-tekanan daripada mereka sama ada dari aspek ekonomi, sistem nilai atau budaya. Pelbagai usaha telah dilaksanakan kerajaan untuk membantu bangsa Melayu supaya tidak diperalatkan antaranya memperkenalkan sistem *affirmative action* dalam sektor ekonomi, mewujudkan MARA dan UiTM dan memperkuatkan sistem pentadbiran negara dengan memastikan kerajaan yang didirikan kuat serta mampu melindungi bangsa Melayu. Kekuatan ini terletak di Dewan Undangan Negeri dan Dewan Rakyat di mana dua pertiga dari kerusi diduduki oleh bangsa Melayu kerana dengan majoriti itu kita berkuasa meminda perlembagaan dan dasar-dasar asas negara.

Bangsa Melayu perlu membentuk nilai hidup yang mampu memartabatkan bangsa Melayu. Perkara utama yang perlu dititik beratkan adalah memperkuatkan diri sendiri dahulu, kemudian memperkuatkan organisasi dalam politik supaya tidak hilang kuasa dan seterusnya perlu memahami cabaran globalisasi yang menuntut kita agar bijak berfikir dan bertindak dalam membezakan baik buruk sesuatu pendapat dan cadangan yang dikemukakan oleh bangsa asing. Dengan kebijaksanaan, bangsa Melayu

mempunyai keupayaan untuk menangkis cadangan yang negatif dan menerima yang baik daripadanya supaya bangsa Melayu dapat dimartabatkan di persada dunia.

Secara keseluruhan, gaya penulisan yang disampaikan dalam penerbitan ini adalah baik dan mudah difahami. Persoalan tentang bangsa Melayu terjawab melalui mutiara kata seorang WIRA bangsa, YABhg. Tun Dr. Mahathir Mohamad. Amanat negarawan tersohor ini yang sekaligus berupa nasihat, falsafah serta introspeksi diri dengan gaya bahasa setajam pedang mampu membelah hati kecil setiap individu yang bergelar Melayu untuk memikir semula tentang masa depan bangsa mereka.


Pengulas:

Junaidah Rosliy

Penolong Pengarah
Pusat Maklumat Malaysiana
Perpustakaan Negara Malaysia

Sari Pustaka

ULASAN BUKU



ISHAMIL AHMAD

Memahami forex : bagaimana meminimumkan risiko dalam forex

Batu Caves, Selangor : Yamani Angle, 2012. 136ms.
ISBN 978-967-5370-76-2

ULASAN

Buku ini bertemakan bagaimana meminimumkan risiko dalam forex, iaitu buku yang bersifat pendidikan yang tidak formal namun banyak mengisahkan tentang kehidupan seorang *Forex Trader* sepenuh masa dan yang paling penting ialah bagaimana beliau meningkatkan ilmu pengetahuan dan kemahiran menceburि bidang ini sehingga mencapai tahap profesional. Idea penulis menulis buku ini adalah bertujuan untuk berkongsi maklumat dengan mereka yang telah menceburি bidang perniagaan mata wang ini mahupun bagi mereka yang bercadang untuk menceburinya.

Matlamat utama buku ini adalah untuk memberi penerangan yang lebih jelas serta pendekatan terbaik untuk sama-sama berjaya menjadi seorang usahawan mata wang asing. Antara faktor yang sangat dititikberatkan dalam buku ini adalah berkongsi cara untuk mendidik diri sendiri menjadi seorang *trader* yang berdisiplin dan berilmu. Ia juga membawa *trader* semua ke arah mengurangkan *stress* dan emosi sewaktu menjalankan perniagaan ini.

Buku ini mengajak *trader* supaya lebih banyak memfokuskan kepada menjaga risiko berbanding memikirkan keuntungan semata-mata. Perniagaan ini perlu dianggap seperti perniagaan ala marathon di mana *trader* perlu bersedia untuk menunggu dengan sabar dan tenang sehingga mencapai objektif keuntungan. Namun mesej yang paling penting yang ingin penulis nyatakan ialah perniagaan ini bukanlah satu perniagaan yang boleh memberi kekayaan kepada anda dalam sekilip mata. Ia adalah perniagaan yang memakan masa yang perpatutan untuk menjana pendapatan yang lumayan dan mencapainya adalah berkadar terus dengan kemahiran, kefahaman dan pengalaman.

Buku ini lebih berkisarkan pengalaman penulis selama lebih 6 tahun suka-duka berkecimpung dalam perniagaan mata wang asing ini. Jadi analisis-analisis, teknik-teknik dan tip-tip yang beliau tunjukkan sangat menarik dan pastinya akan memberi banyak inspirasi kepada pembaca. Pengalaman beliau dalam industri ini diharapkan akan dapat membantu semua golongan *forex trader* yang masih tercari-cari jalan untuk berjaya dalam perniagaan ini. *Trading* yang ditunjukkan semuanya berkisar kepada pengalaman dan keadaan sebenar seorang *trader* dalam menjalankan perniagaan mata wang asing ini. Sebagai seorang usahawan *forex* yang telah melalui pelbagai saat-saat getir dalam perniagaan ini, penulis ingin menasihatkan para *trader* supaya dalam apa juga keadaan mestilah sentiasa focus dan berdisiplin dengan mengetahui:

- Kenapa *forex* sesuai untuk anda
- Cara mengawal risiko yang terbaik dan terkini
- Cara memasuki pasaran dengan langkah yang tepat
- Cara membuat perancangan strategi
- Cara menggandakan modal melebihi 500%

Untuk memahami buku ini adalah amat mudah, kerana gaya penulisan penulis buku ini adalah bersantai dan lebih kepada naratif dan sedikit analisis. Penulis tidak menggunakan istilah-istilah perniagaan atau ekonomi yang susah untuk difahami. Istilah-istilah yang digunakan diterangkan secara terperinci agar mudah untuk pembaca yang baru mengenali dunia perniagaan mata wang asing ini.

Secara keseluruhannya buku ini, boleh dikategorikan dalam bidang kewangan atau lebih kepada pengurusan pelaburan kewangan mata wang asing dan disasarkan kepada pembaca yang baru atau sudah berpengalaman dalam *forex trading* sepenuh masa atau sambilan. Buku ini bukan bertujuan untuk membuat provokasi dengan menceritakan tentang kejayaan, kekayaan atau kemewahan apabila berjaya ianya untuk berkongsi pengalaman dari awal kegiatan sehingga sekarang ini dalam perniagaan mata wang asing. Pada masa yang sama ingin menyampaikan mesej kepada semua ‘trader’ supaya dari awal lagi memasang niat untuk belajar cara berdagang secara konsisten dan jangan meletakkan azam yang terlalu besar untuk dicapai dalam masa yang singkat.


Perniagaan ini bukanlah perniagaan untuk cepat kaya, ia adalah perniagaan yang berpeluang untuk kaya! Kesabaran, ketajaman fikiran, sasaran rendah dan kemahuhan untuk berjaya adalah perkara yang sangat penting untuk menjadi seorang yang sukses dalam bidang ini.

Pengulas:

Mohd Izani Che Jaafar
Penolong Pengarah
Pusat Maklumat Malaysiana
Perpustakaan Negara Malaysia

Sari Pustaka

ULASAN BUKU



MOHD KHAIRUL NIZAM ZAINAN NAZRI
Motivasi gaya Rasulullah

Batu Caves, Selangor : PTS Millennia, 2012. 134 ms.

ISBN 978-967411-023-9

ULASAN

Buku ini disasarkan kepada para motivator, pencinta motivasi dan para pembaca dengan harapan golongan ini dapat memfokuskan al-Quran dan hadis sebagai asas motivasi. Masyarakat Islam menjadikan Nabi Muhammad SAW sebagai sumber motivasi yang terbaik dan teragung. Adalah diharapkan agar masyarakat melihat individu agung bernama Muhammad Bin Abdullah bukan sahaja sebagai rasul tetapi juga sebagai motivator ulung dalam dunia motivasi. Baginda adalah idola terbaik sepanjang zaman.

Buku setebal 134 halaman ini banyak memuatkan petikan ayat-ayat al-Quran, hadis dan kisah-kisah nabi yang dapat memberi suntikan motivasi kepada pembaca mengenai kehebatan Rasulullah sebagai motivator agung. Lapan paksi sumber motivasi Islam iaitu solat, membaca al-Quran, membaca hadis nabi, menghayati kisah para ulama dan orang soleh, menghayati seruan azan, taubat, sabar dan ikhlas.

Teknik motivasi Nabi Muhammad SAW yang begitu unik iaitu teknik dorongan dan hukuman. Tiga perkara penting yang digariskan dalam tingkah laku dorongan manusia ialah niat melakukan sesuatu, kaedah atau cara yang digunakan dalam proses perlakuan itu dan matlamat melakukan perbuatan itu. Ajaran Rasulullah mempunyai elemen dorongan yang begitu hebat ke arah keredhaan Allah. Dorongan-dorongan yang diberikan oleh Rasulullah melepas batasan sempadan kehidupan dunia.

Terdapat 12 contoh hadis ganjaran dan 13 contoh hadis hukuman. Hadis-hadis ini dapat memberi motivasi kepada pembaca supaya memilih di antara kebaikan dan keburukan, antara pahala dan dosa. Contohnya, melalui salah satu hadis yang direkodkan dalam *Sahih Bukhari*, *Kitab Zakat*, no. 1395, diperihalkan bahawa ganjaran menghubungkan silaturrahim adalah syurga. Manakala di dalam *Sahih Bukhari*, *Kitab Fitnah*, no. 7072 pula, diperihalkan bahawa balasan menyakiti sesama muslim adalah neraka.

Pembaca turut dihidangkan dengan kisah-kisah gaya motivasi Rasulullah. Terdapat 21 gaya motivasi Rasulullah, antaranya motivasi pahala dan ganjaran, motivasi ganjaran berasaskan niat, motivasi cara kiasan, motivasi ganjaran dan ancaman dan motivasi kebaikan lampau. Contoh ayat al-Quran dan hadis serta kisah-kisah Rasulullah dapat dijadikan panduan dalam kehidupan. Di dalam bab akhir buku ini, diselitkan beberapa doa motivasi untuk panduan dan amalan pembaca dalam kehidupan seharian.

Buku ini diharap dapat memberi sinar baru kepada pencinta motivasi. Melalui curahan idea dan usaha penulis ini, diharap mereka mendapat inspirasi untuk menjadikan Nabi Muhammad SAW sebagai ikon besar dalam dunia motivasi. Buku ini amat bermanfaat kepada pembaca kerana di dalamnya terdapat unsur-unsur ajaran Islam yang bertujuan meningkatkan keperibadian dan sahsiah diri seseorang muslim. Jelas sekali bahawa Nabi Muhammad SAW banyak meninggalkan bekalan-bekalan agung untuk diwarisi oleh umatnya. Cara dan gaya hebat baginda dalam memberi tunjuk ajar kepada sahabat dan umat Islam keseluruhannya harus menjadi ikutan sepanjang zaman.

Pengulas:

Suriati Ein

Penolong Pengarah
Pusat Maklumat Malaysiana
Perpustakaan Negara Malaysia

Sari Pustaka

ULASAN BUKU



ZULKIFLI ABDULLAH
Mudahnya twitter

Batu Caves, Selangor : PTS Netmedia, 2012. 87ms.
ISBN 978-967-0185-35-4

ULASAN

Mudahnya Twitter merupakan panduan ringkas dan mudah untuk penggemar jaringan sosial berhubung. Hanya had 140 aksara yang mampu dimuatkan dalam laman Twitter, dapat membantu ramai pengguna seluruh dunia berhubung secara pantas, unik dan ringkas.

Buku ini sesuai dibaca oleh pengguna laman sosial yang suka berkongsi maklumat dengan kawan dan kenalan. Had 140 aksara membantu mempercepatkan perkongsian dan memudahkan akses kepada mesej yang ingin dikongsikan. Selain itu, twitter menyediakan ruang kepada penggemar laman sosial mengikuti perkembangan terkini daripada individu yang terkenal dan ternama seperti golongan artis, ahli sukan, ahli politik dan ramai lagi. Twitter juga memudahkan para blogger berinteraksi dengan pembaca, berkongsi tip-tip, mengemaskini status blog dan sebagainya. Konsep Twitter yang menyerupai SMS memudahkan pengguna Retweet (forward tweet) menjadikan

Twitter medium terbaik untuk sebaran berita pantas. Twitter juga memberi ruang kepada ahli pemasaran dan pengusaha bisnes kecil dan sederhana mencari pasaran bagi sesuatu produk. Terkini, syarikat-syarikat besar juga seperti TP, P1, Maxis, Maybank telah menggunakan Twitter bagi berinteraksi dengan pelanggan dan bakal pelanggan.

Buku setebal 87 muka surat ini memberi panduan yang ringkas dan padat kepada para pengguna yang ingin menfaatkan sepenuhnya laman sosial Twitter. Pengguna dibimbing bagaimana untuk membuka akaun, memasukkan maklumat dalam akaun, menghantar tweet, menutup akaun dan juga mengikuti tweet pengguna lain. Selain itu, pengguna Twitter diajar bagaimana memahirkan diri dengan Twitter dengan mengintegrasikan Twitter bersama gambar, video, lokasi; intergrasi Twitter dalam laman web dan blog; menghantar Tweet ke Facebook dan banyak lagi.

Buku *Mudahnya Twitter* juga memuatkan pelbagai gambar dalam bentuk print screen untuk memudahkan para pembaca mengikuti setiap panduan dan arahan yang diberikan oleh penulis. Buku ini sesuai dibaca oleh semua peringkat umur, dan sesuai dijadikan sebagai panduan ringkas kepada pengguna baru Twitter. Cara penulisan yang mudah dan ringkas dapat menarik pembaca untuk cuba membina laman Twitternya sendiri tanpa.

Pengulas:

Nor Azila Mohd Noor
Penolong Pengarah
Pusat Manuskrip Melayu
Perpustakaan Negara Malaysia

Sari Pustaka

ULASAN BUKU



Pemasaran politik di Malaysia

Kuala Lumpur : Dewan Bahasa dan Pustaka, 2012. 189

ms

ISBN 978-983-46-1120-0

ULASAN

Pemasaran politik di Malaysia bertemakan politik di Malaysia. Penerbit menerbitkan buku ini berdasarkan kepada kesedaran untuk mengumpulkan dan medokumentasi penyelidikan dan pemikiran para akademia dan pensyarah berkaitan dengan isu pemasaran politik di Malaysia.

Buku ini mengandungi enam bab dan setiap bab mempunyai penekanan aspek pemasaran politik yang berbeza. Kesemua penulisan berasaskan penyelidikan sama ada penganalisaan literature, kaedah kualitatif mahupun kuantitatif.

Buku ini memaparkan banyak hasil-hasil kajian yang dijalankan oleh penyelidik berkelayakan yang rata-ratanya terdiri daripada para akademia universiti tempatan yang sememangnya mempunyai kelayakkan dan kepakaran dalam bidang politik. Kesemua artikel yang dipaparkan didalam buku ini adalah bertepatan dengan judul buku dan dihasilkan berdasarkan kepada kajian-kajian secara terperinci dan mendalam

oleh penulis-penulis terbabit.

“Pemasaran Politik dan Media Sosial: berakhirkah demokrasi” antara topik yang dibincangkan adalah ancaman media sosial dan kesan pemasaran politik terhadap demokrasi.

Hasil kajian didapati bahawa budaya politik dalam kalangan rakyat Malaysia semenjak sedekad yang lalu didapati semakin kompleks dan sukar untuk dijangka. Rakyat mahukan satu parti yang benar-benar boleh berkhidmat kepada rakyat, merendah diri dan tidak sompong.

Antara topik yang dibincangkan adalah peranan bahasa dalam komunikasi, penggunaan bahasa dalam komunikasi, bahasa pengaruh dalam blog, dimensi penggunaan bahasa, bahasa pengaruh dan pemasaran politik. Rumusan kajian adalah *blogger* menggunakan ruang maya blog sepenuhnya untuk memberi reaksi yang pelbagai dengan isu-isu berkaitan politik. Peratusan yang tinggi datangnya dari *blogger* yang anti tindakan kerajaan dan ada *blogger* yang berdebat untuk mempengaruhi minda masyarakat.

Kajian kes di Johor, adalah untuk mengkaji persepsi rakyat terhadap politik Malaysia menjelang PRU 13 dan untuk mengkaji isu-isu utama yang mempengaruhi kehendak dan pemikiran pengundi di Johor. Hasil kajian didapati bahawa rakyat Malaysia semakin sedar akan hak dan tanggungjawab mereka dalam proses pilihan raya dan mengundi.

“Pemasaran Politik dan Kajian Persepsi Kerjaya Dalam Perkhidmatan Awam Dalam Kalangan Belia Bukan Melayu di Semenanjung Malaysia”, antara objektif kajian adalah mengukur minat belia bukan Melayu di Semenanjung Malaysia dalam perkhidmatan awam. Rumusan kajian mendapat pengambilan lebih banyak belia bukan Melayu mestilah berlandaskan falsafah dan prinsip pelembagaan negara.

Kebanyakkan bukti-bukti kajian dipaparkan secara jelas dengan merujuk kepada sumber-sumber maklumat primer seperti tesis, jurnal dan laporan-laporan organisasi

kerajaan dan badan bukan kerajaan (NGO). Artikel-artikel juga disokong oleh statistik-statistik yang berbentuk jadual dan graf yang dikumpulkan khas untuk kajian-kajian mereka.

Buku ini menggunakan bahasa Melayu yang mudah dan senang difahami oleh pembaca untuk memahami kandungan artikel dengan lebih baik dan jelas. Gaya penulisan kesemua penulis adalah secara analisis. Buku ini sesuai dibaca oleh pengkaji politik, pengamal politik pelajar dan mereka-mereka yang berminat untuk mendalami ilmu pemasaran politik.


Pengulas:

Yazid Ibrahim

Penolong Pengarah
Pusat Maklumat Malaysiana
Perpustakaan Negara Malaysia

Sari Pustaka

ULASAN BUKU



AHMAD FUAD BIN AHMAD
Pengeluaran benih ikan tilapia
Kuala Lumpur : Dewan Bahasa Dan Pustaka, 2012.
179ms.
ISBN 978-983-46-0789-0

ULASAN

Industri penternakan ikan tilapia masih belum begitu meluas di Malaysia. Usaha perlu dilakukan bagi menyokong industri ini terutama dalam membekalkan benih ikan tilapia itu sendiri. Pusat pengeluaran benih ikan tilapia masih kecil jumlahnya dan amat terhad berbanding dengan permintaan dari pasaran. Ikan tilapia amat sesuai diternak memandangkan ia terdiri daripada spesis yang mudah membiak dan agak tahan lasak sifatnya. Penternak juga mempunyai alternatif untuk memilih kaedah pengeluaran benih bersesuaian dengan tujuan pengeluaran, kemampuan kewangan, keperluan tenaga kerja dan kemudahan yang ada.

Buku ini memberikan langkah-langkah yang diperlukan bagi seseorang yang berminat dalam penternakan dan juga membekalkan benih ikan tilapia. Kesemua tiga belas (13) bab yang dibincangkan secara terpeinci turut disertakan rajah dan gambar bagi menyokong kefahaman setiap individu.

Faktor biologi ikan tilapia perlu dikenali bagi membantu penternak membuat sebarang persediaan pembiakan dan asuhan yang lengkap dan kondusif. Ia akan dapat memastikan peningkatan produktiviti kualiti benih ikan tilapia yang dihasilkan. Selain itu, penternak perlu mahir dengan perbezaan sifat jantina dan tabiat pemakanan setiap spesis yang ada. Kaedah pembiakan dan kadar tumbesaran turut dijelaskan dengan lengkap di dalam buku ini.

Apa yang paling mustahak disediakan untuk memulakan pengeluaran benih ikan tilapia adalah penyediaan kolam. Bekalan air yang mencukupi dalam kolam adalah diperlukan selain ia boleh dikeringkan sepenuhnya. Kerja-kerja pengurusan dan penyelenggaraan akan lebih mudah sekiranya mempunyai reka bentuk serta dasar kolam yang baik. Sistem kolam perlu diteliti bagi memastikan projek pengeluaran benih dapat dijalankan secara mapan.

Turut dibincangkan di dalam buku ini adalah penyediaan tangki untuk pembiakan dan asuhan. Beberapa kriteria dibincangkan untuk memastikan ia sesuai proses pengeluaran dilakukan dengan lebih sistematik. Pemantauan dapat dilakukan bagi meningkatkan kualiti dan produktiviti penghasilan benih hasil kaedah pengurusan yang sempurna.

Seterusnya dibincangkan kaedah dan pengurusan asuhan benih di dalam tangki. Para penternak perlu tahu kepentingan tangki asuhan, kerana ia perlu dipasang dengan sistem pengudaraan dan kemasukan air dibuat secara perlahan-lahan. Beberapa gambar di dalam buku ini dapat membantu mengenali jenis dan bentuk tangki asuhan yang digunakan. Pengurusan asuhan yang cekap akan dapat mempercepatkan kadar tumbesaran ikan dan mampu menjimatkan kos makanan sehingga melebihi 50% daripada operasi kolam.

Selain itu, penternakan ikan tilapia juga sesuai di jalankan di dalam air payau atau air masin. Penternakan secara komersial banyak di lakukan di beberapa negara antaranya Mesir, Filipina, Taiwan, Indonesia dan Thailand. Ternakan boleh dilakukan di dalam kolam atau sangkar.

Setelah benih ikan tilapia sesuai untuk dituai, beberapa perkara perlu diambil perhatian. Pengendalian benih selepas tuai merangkumi penangkapan, penyimpanan, pengiraan atau penganggaraan, pembungkusan, penghantaran atau pengedaran dan pelepasan untuk peringkat ternakan. Ia perlu dilakukan secara efisien bagi mengurangkan kadar kecederaan atau merendahkan kualiti dan kematian hasil tuaian benih. Benih yang berkualiti akan menjamin kadar hidup (kemandirian) yang tinggi pada peringkat ternakan di dalam kolam, sangkar, kandang atau tangki.

Langkah berikutnya adalah pengedaran benih ikan tilapia yang telah dituai. Perhatian yang lebih diperlukan untuk mengelakkan kematian dan tekanan semasa mengangut benih. Benih-benih ikan perlu berada dalam keadaan sempurna meliputi persediaan kualiti air yang digunakan, benih yang benar-benar sihat, kadar stok benih yang sesuai dan kaedah penangkapan serta pengendalian yang baik. Sewaktu pembungkusan pula, kadar bilangan benih bergantung kepada beberapa faktor iaitu saiz benih, tempoh penghantaran dan suhu air yang digunakan. Bagi benih ikan bersaiz besar, tangki diperlukan untuk proses penghantaran.

Akhirnya, pengurusan kesihatan ikan dengan baik dapat mengelakkan penternak daripada mengalami kerugian. Misalnya, penternak perlu lebih peka kepada jangkitan penyakit yang biasa di alami ikan tilapia. Pencegahan dan pengawalan penyakit amat berkait rapat dengan amalan baik dalam pengurusan ternakan sebelum ini. Perawatan ikan yang sakit perlu mengikut penyakit yang dialami secara khusus. Gambar-gambar yang disertakan dalam buku ini dapat membantu para penternak yang berminat mengetahui jenis penyakit dan tanda-tanda yang terdapat pada ikan terbabit.

Pengulas:

Rosmaini Salehudin


Penolong Pengarah

Pusat Penyerahan Terbitan Negara

Perpustakaan Negara Malaysia

Sari Pustaka

ULASAN BUKU



SHAMSUDDIN KADIR DAN AIN MUHAMMAD
Rancang wang sejak jatuh cinta
Batu Caves, Selangor : PTS Millennia, 284ms.
ISBN 978-967-411-020-8

ULASAN

Dalam melayari kehidupan berumah tangga, setiap pasangan suami isteri haruslah bijak merancang kewangan dan mengurus perbelanjaan mereka. Ini kerana sumber kewangan adalah tonggak dalam menjalani kehidupan berkeluarga kerana setiap perkara yang dilakukan memerlukan wang. Perancangan kewangan yang teliti sangat mustahak supaya kehidupan rumah tangga dapat dilalui dengan penuh kebahagiaan tanpa menjadikan masalah kewangan sebagai faktor utama yang dapat memecah belahkan institusi perkahwinan dan kekeluargaan.

Kehadiran buku *Rancang Wang Sejak Cinta* adalah tepat pada masanya bagi mendidik para keluarga hari ini tentang perihal mengurus kewangan dengan baik di kala masyarakat pada hari ini banyak yang bersikap materialistik dan lebih gemar hidup dengan gaya mewah sambil berhutang. Judul buku tersebut bukanlah tersurat menceritakan perihal orang bercinta tetapi menterjemahkan simbolik penulisan yang

ingin disampaikan oleh pengarang, Shamsuddin Kadir dan Ain Muhammad berkaitan kepentingan membuat perancangan kewangan keluarga yang rapi bagi masa depan yang lebih terjamin, bermula seawal seseorang itu telah berhajat dan bercita-cita untuk berkahwin.

Naskhah menarik ini mengupas sebanyak 69 bab yang dibahagikan kepada 4 bahagian iaitu fasa permulaan sebelum berkahwin, fasa persediaan untuk berkahwin, fasa kahwin dan fasa selepas kahwin. Penyusunan maklumat dan isi kandungan buku menjadi kesinambungan cerita yang menarik. Setiap cerita dalam setiap bab dinyatakan panduan dan tip berguna tentang bagaimana untuk mengurus kewangan dan perbelanjaan keluarga dengan baik. Tip-tip yang dinyatakan juga boleh dianggap luar biasa dan tidak akan diperolehi di dalam naskhah lain.

Antara tip-tip tersebut termasuklah cara mudah mengumpul duit belanja kahwin, ilmu kewangan untuk bakal pengantin, menjana wang dengan kad jemputan kahwin, menyediakan kalender perkahwinan, sistem sampul surat bagi mengurus budget keluarga, senarai semak bagi pengantin dan senarai semak keperluan asas orang yang hidup berumahtangga. Namun begitu, tidak semua tip yang dinyatakan penulis akan di terima pakai dengan mudah oleh pembaca kerana sesetengah tip yang dicadangkan agak unik dan masih menjadi “pantang” dalam budaya orang Melayu terutamanya dalam isu pihak pengantin memohon sumbangan perkahwinan daripada pihak lain.

Buku ini mengajak orang ramai menggunakan duit dengan berhemah tanpa melakukan sebarang pembaziran pada benda yang tidak perlu. Tidak digalakkan penggunaan kad kredit dan pinjaman peribadi dalam mengurus perbelanjaan keluarga kerana tidak mahu kita terbeban dengan hutang. Karya ini juga menyaran kita mengutamakan produk dan perkhidmatan muslim serta bercirikan islamik apabila menguruskan segala perbelanjaan keluarga supaya mendapat keberkatan dari Allah. Pendek kata, penulisan ini lebih cenderung menggalakkan kita untuk berbelanja kerana Allah dan bersederhana di dalam kehidupan kerana itu merupakan tuntutan agama.

Penulisan buku ini agak keras dalam mendidik kita agar berjimat sehingga kadang-kadang menyekat manusia untuk membelanjakan wang bagi memenuhi kehendak,

kesemua hanya difokuskan kepada perbelanjaan untuk keperluan sahaja. Pembaca sudah pasti tidak merasai nikmat untuk hidup secara mewah. Namun begitu, panduan tentang cara mengurus kewangan dengan berwaspada supaya tidak terjerumus dengan hutang piutang yang boleh menjelaskan hubungan kekeluargaan hanya kerana mahu dilihat mewah hingga menimbulkan perasaan sompong, riak dan alpa dengan kesenangan. Terpulanglah kepada para pembaca membuat keputusan yang terbaik bagi keluarga masing-masing samada mahu mengikuti saranan yang dicadangkan atau tidak.

Secara jelasnya, buku yang mengambil masa 2 tahun untuk dihasilkan ini turut menghidangkan contoh-contoh kes yang diceritakan oleh klien dan sahabat penulis di samping menembual sendiri individu yang lebih daripada 10 hingga 50 tahun telah berumahtangga bagi bertanyakan pengalaman suka duka agar dapat dijadikan panduan bagi pasangan yang akan berkahwin supaya melakukan langkah-langkah awal dengan bijak dalam merancang kewangan masa depan bersama.

Bagi pasangan yang telah berkahwin dan masih mempertahankan rumahtangga walaupun masalah kewangan membenggu, masih tidak terlambat untuk mengikuti tip dan panduan berguna yang dinyatakan dalam buku tersebut. Mereka boleh memperbaiki atau menukar cara pengurusan kewangan seperti yang diamalkan sebelumnya supaya masalah kewangan dapat diselesaikan dan kebahagiaan keluarga dapat dicapai secara hakiki.


Pengulas:

Nordiana Ahmad Tajuddin

Penolong Pegawai Perpustakaan
Pusat Manuskip Melayu
Perpustakaan Negara Malaysia

Sari Pustaka

ULASAN BUKU



DENISOVA, TATIANA A
Sumber historiografi di alam Melayu : koleksi peribadi John Bastin

Kuala Lumpur : Perpustakaan Negara Malaysia, 2011.
672ms.
ISBN 978-967-931-238-6

ULASAN

Buku *Sumber Historiografi di Alam Melayu : Koleksi Peribadi John Bastin* adalah merupakan hasil kajian yang diselenggarakan oleh Dr. Tatiana A. Denisova keatas koleksi John Bastin. Mengandungi 672 halaman dan berilustrasi disetiap penghujung bab. Turut dimuatkan glosari dan bibliografi. Kandungan dibahagi kepada 3 bahagian besar dimana Bahagian Pertama menceritakan mengenai sejarah purba dan arkeologi, Bahagian Kedua mengisahkan tentang negeri Melaka manakala Bahagian Ketiga menceritakan mengenai orang Melayu dan tamadun Melayu. Koleksi John Bastin adalah satu kumpulan buku tentang sejarah dan kebudayaan orang Melayu yang diperolehi pada tahun 1995 dan ini merupakan koleksi peribadi terbesar yang pernah diperolehi Perpustakaan Negara Malaysia. Mengandungi lebih dari 3,000 judul buku mengenai sejarah, arkeologi, ekonomi, kebudayaan, kajian dan berbagai lagi. Bahan koleksi selain buku dan kamus adalah kertas kerja, makalah, catatan pengembawaan, catatan kenangan (memoirs), surat serta catatan harian atau dairi.

John Bastin adalah seorang professor dalam bidang sejarah Malaya dan Indonesia.

Analisis koleksi John Bastin sebagai satu kesatuan sumber historiografi amat penting dalam kajian tradisi ilmu dan historiografi di alam Melayu bagi menjelaskan dan menafikan prasangka atau prejudis serta mengurangkan salah faham yang terdapat mengenai pelbagai unsur khazanah tamadun Melayu dan persuratan Melayu.

Buku ini membincangkan tentang sejarah dan arkeologi dengan menyenaraikan terbitan-terbitan yang terdapat mengenai zaman pra-sejarah, sejarah purba, antropologi, arkeologi dan epigrafi alam Melayu. Kebanyakan bahan adalah hasil karya ilmuwan barat dan dalam bahasa Inggeris. Terdapat 7 judul yang ditulis oleh ilmuwan alam Melayu. Manakala sebuah buku sahaja dalam bahasa Indonesia. Penulisan para orientalis barat seperti Kempers, A J Bennet termasuk buku-buku dari koleksi John Bastin sendiri. Buku-buku ini mengandungi kajian ilmiah serta data-data penting boleh membantu memahami pandangan ilmuwan barat dan moden tentang asal usul orang Melayu dan pelbagai tamadun di alam Melayu.

Koleksi John Bastin mengandungi banyak buku mengenai Melaka. Data-data statistik tentang berbagai tajuk-tajuk penulisan dan penerbitan juga tarikh penerbitan dalam pelbagai format penerbitan seperti buku, makalah, buku kecil, kertas kerja, tesis, dan *typescript*. Semua ini menunjukkan bahawa Melaka adalah subjek kajian yang sangat penting dan telah menarik perhatian para orientalis barat seperti R.O. Winstedt, J.V. Mills,C.O. Blagen, V.P.Gruenveldt, David K.Wyatt W.H.C. Smith dan ramai lagi termasuk mubaligh Kristian yang pernah singgah di alam Melayu sejak abad 16 ke 18 menceritakan pandangan serta pendapat mereka yang berbagai mengenai alam Melayu berpusat di Melaka. Hampir semua tulisan ini memihak atau *bias* kepada barat yang memang bersifat *euro-centrism* dan anti-Islam.

Antara buku dan petikan yang menarik adalah mengenai orang Eropah di Melaka, tentang Islam dan tamadun Islam di Melaka dan kedatangan orang Cina ke Melaka. Buku-buku tentang orang Eropah di Melaka menggambarkan zaman utama dalam sejarah penjajahan alam Melayu oleh orang Portugis, Belanda dan Inggeris. Melaka pada zaman Portugis diceritakan dengan berlandaskan buku dan catatan yang di buat

oleh ramai penulis dan individu termasuk saudagar dan mubaligh. Penulisan dan catatan hampir semuanya cuba menggambarkan mengenai pengembalaan dan kehebatan orang Portugis sebagai conquistador atau pahlawan dengan misi suci. Menurut data-data dari pelbagai sumber sejarah pada zaman tersebut, diceritakan tentang kekejaman Alfano D'Albuquerque yang disifatkan seorang penakluk yang amat ganas dan musuh Islam. Oleh kerana orang Melayu tidak mahu menganut agama Kristian, ramai orang Melayu diseksa dan dibunuh secara kejam. Raja Portugal telah menggalakkan orang Portugis berkahwin dengan orang Hindu sebagai salah satu cara meluaskan pengaruh mereka ke atas Melaka.

Kedatangan Belanda ke Melaka pula lebih kepada perdagangan dan bukan penyebaran Kristian. Sistem perdagangan monopoli yang diamalkan oleh Belanda keatas rempah ratus,timah dan opium telah menyebabkan perniagaan peringkat antarabangsa Melaka menjadi mundur.Seterusnya, Melaka dijajah pula oleh orang Inggeris. Berbeza dengan orang Belanda, orang Inggeris menggunakan berbagai pendekatan untuk menjatuhkan Melaka sebagai pusat perdagangan termasuk membangunkan Pulau Pinang sebagai pelabuhan dan berbuat baik dengan masyarakat tempatan termasuk orang Cina. Katalog koleksi John Bastin menyenaraikan 21 tajuk mengenai zaman kerajaan Inggeris di Melaka. Mualigh Kristian Inggeris juga lebih berjaya berbanding Belanda dalam menyebar Kristian di kalangan bukan Melayu di Melaka. Karangan-karangan lain ada menyentuh mengenai pemerintahan kerajaan Inggeris di Melaka.

Pengarang turut membuat rujukan dan memuatkan petikan penulisan yang dibuat oleh penulis tempatan yang terkenal seperti Chandra Muzaffar, Syed Muhammad Naquib Al-Attas, M.A.Rauf Mobin Sheppard dan banyak lagi bagi membuktikan kesahihan maklumat yang ditulis terutama mengenai Islam. Aspek menarik yang diperkatakan adalah mengenai agama, adat istiadat, sihir, keris, kraftangan dan seni orang Melayu, orang asli dan orang laut, tentang lanun, bangsa Cina dan Hindu serta sistem kerajaan masyarakat orang Melayu.

Buku ini telah berjaya melahirkan fakta sejarah yang tidak berat sebelah dan boleh jadikan bahan untuk dikaji oleh penyelidik dan sejarawan tempatan kerana ia dapat


menyangkal catatan sejarah mengenai dunia Melayu dan Islam yang banyak di tulis oleh pengkaji dan orientalis barat.

Pengulas:

Zulkefli Abdul Samad
Ketua Bahagian
Bahagian Penerbitan
Perpustakaan Negara Malaysia

Sari Pustaka

ULASAN BUKU



AZIEL AZHAR DAN SYED FADHIL
Wedding photography : panduan menjadi fotografer perkahwinan

Batu Caves, Selangor : PTS Netmedia, 2012
ISBN 978-967-0185-40-8

ULASAN

Wedding Photography: Panduan Menjadi Fotografer Perkahwinan merupakan sebuah buku yang amat padat dengan maklumat dan tip-tip yang berguna sebagai panduan kepada mereka yang baru dan berminat menceburi bidang fotografi terutama dalam bidang fotografi perkahwinan. Sudah semestinya kita sebagai pengantin ingin merakamkan detik-detik manis sebagai raja sehari dalam bentuk yang boleh diaplikasikan semula dan tentunya kita berkeinginan menggunakan perkhidmatan jurufoto yang dapat menjadikan hari bahagia kita itu, sebagai suatu sejarah yang dapat dikenang sehingga ke akhir hayat. Oleh itu, peranan dan kemahiran seorang jurufoto perkahwinan dalam mengabdikan kenangan-kenangan yang istimewa dan menarik amat penting dalam sesuatu majlis perkahwinan.

Aziel Azhar dan Syed Fadhil yang merupakan pengasas kepada Cherita Pictures telah mengolah informasi dalam buku ini berdasarkan kepada pengalaman sebenar mereka

semasa menjalankan tugas-tugas fotografer perkahwinan. Olahan maklumat dan gambar yang bersesuaian juga menjadi daya tarikan kepada pembaca untuk terus menghayati buku ini. Gambar-gambar berwarna yang dipaparkan dalam buku ini disertakan dengan keterangan yang jelas tentang kaedah yang digunakan semasa proses pengambilan gambar tersebut dilakukan.

Buku ini menyenaraikan jenis-jenis peralatan yang diperlukan semasa jurufoto mengambil gambar seperti kad memori untuk menyimpan stok gambar-gambar yang diambil, mempunyai sekurang-kurangnya 2 buah kamera, yang mana salah satu daripadanya sebagai kamera sokongan sekiranya berlaku perkara yang tidak diingini, lensa *wide-angle* sebagai perakam bagi sudut-sudut yang sempit menjadi lebih luas dan sebagainya lagi. Juga disenaraikan peralatan sokongan atau tambahan untuk membantu jurufoto mendapatkan gambar yang lebih menarik dan unik seperti anak tangga, alat penyimpan media dan alat pengubah suai gambar.

Persediaan fizikal dan mental seseorang jurufoto juga dititik beratkan dalam buku ini kerana persiapan dari segi fizikal antara faktor yang menyumbang kepada penghasilan gambar-gambar yang berkualiti. Jurufoto yang mempunyai rehat yang cukup akan mempunyai tindak balas yang pantas dan peka terhadap pekara yang berlaku di sekeliling mereka. Aspek fizikal juga merujuk kepada persiapan peralatan, jurufoto perlu memeriksa peralatan mereka beberapa hari sebelum menjalankan tugas. Manakala persediaan mental juga perlu kerana apabila minda seseorang jurufoto berada dalam keadaan yang baik, segala urusan akan menjadi lebih baik kerana jurufoto akan seronok berkreativiti dalam memikirkan idea baru.

Teknik pencahayaan turut menjadi salah satu perkara yang diambil kira dalam menghasilkan gambar-gambar yang menarik antaranya ialah teknik *bounce flash* iaitu ia dapat mengelakkan terhasilnya bayang-bayang yang tidak menarik di belakang subjek akibat pancaran *flash* secara terus. Kemahiran yang ada pada seseorang jurufoto yang boleh mengaplikasi dan memanipulasi cahaya semulajadi juga dapat menghasilkan karya yang hebat.

Pemilihan sudut-sudut yang kreatif adalah faktor yang menjadikan gambar

perkahwinan itu unik. Gambar yang dilihat biasa akan kelihatan menarik jika seorang jurufoto dapat memilih sudut pandangan yang betul. Antara suasana perkahwinan yang boleh menjadi sangat menarik adalah penting bagi menggambarkan senario keseluruhan majlis yang sedang dilaksanakan, ini kerana latar belakang sesebuah gambar itu mampu membantu menyampaikan mesej keseluruhan majlis dengan lebih berkesan.

Dalam usaha untuk menghasilkan gambar yang menarik tidak hanya bergantung kepada aspek teknikal sahaja tetapi juga memerlukan teknik komunikasi, agar gambar-gambar yang dirakam oleh jurufoto mempunyai emosinya yang tersendiri. Keperluan untuk memahami kehendak orang lain perlu dipelajari oleh seorang jurufoto. Acap kali gambar yang dirakamkan secara berkumpulan mempunyai pelbagai emosi yang tersendiri kerana pada ketika ini pelbagai reaksi spontan yang boleh jurufoto rakamkan.

Buku ini juga menyenaraikan panduan dan informasi yang berguna sebagai panduan seperti menjadi pemerhati dan pendengar yang peka, senaraikan gambar yang perlu dirakam, menjadi teman rapat kepada pengantin, memori simpanan dan back-up. Bagi seorang fotografer yang baru bermula untuk berjinak-jinak dalam bidang ini, buku ini boleh menjadi panduan kerana ia cukup lengkap untuk mereka mendalami bidang fotografi.


Pengulas:

Mastura Hussin

Penolong Pengarah
Pusat Manuskrip Melayu
Perpustakaan Negara Malaysia

Sari Pustaka

SINOPSIS BUKU




**YOW, CHEUN HOE
Antara China dengan tanah tempatan : satu kajian pemikiran dwipusat di kalangan penulis Cina di Tanah Melayu, 1919-1957**

Pulau Pinang : Penerbit Universiti Sains Malaysia, 2011. 281ms.
ISBN 978-983-861-5105

Penggunaan karya sastera sebagai sumber sejarah telah menjadi suatu aliran yang agak popular dalam pensejarahan di kalangan sarjana barat. Aliran ini tidak begitu berkembang dan berpengaruh dalam pensejarahan di Malaysia, terutama kajian tentang masyarakat Cina di Malaysia. Buku ini memfokus kepada penulis Cina di Tanah Melayu sebagai satu kelompok sosial yang penting dan telah mengalami perubahan pemikiran sebagai respons terhadap perubahan yang berlaku di China dan tanah tempatan. Ruang lingkup masa kajian bermula daripada tahun 1919, sebagai tahun bermulanya sastera vernakular Cina di Tanah Melayu dan tamat pada 1957. Tempoh itu penting untuk meninjau perubahan orientasi dan pemikiran di kalangan penulis Cina. Konsep 'dwipusat' akan digunakan dalam membicarakannya iaitu China dan tanah tempatan. Aktiviti pemikiran dwipusat ini menggunakan dua pendekatan iaitu merekonstruksi dunia sosiopolitik penulis Cina yang mencari rezki dan menghasilkan karya di Tanah Melayu. Pendekatan kedua adalah mengupas mentaliti penulis dengan menganalisis karya-karya sastera yang mereka hasilkan.

SINOPSIS BUKU




AL-JAUZIYYAH, IBNU QAYYUM
Bahaya penyakit waswas
Johor Bahru : Pustaka Azhar, 2012. 159ms.
ISBN 978-967-0156-69-9

Buku ini menjadi jawapan kepada berbagai persoalan mengenai waswas dan bisikan syaitan yang nyaris setiap saat mencuba untuk menyesatkan manusia. Orang yang waswas adalah orang yang melakukan kesalahan serta melanggar batas dan berlaku zalim berdasarkan kesaksian Rasulullah. Buku ini mengandungi sebanyak 16 bab yang menerangkan pelbagai jenis waswas antaranya waswas ketika bersuci dan bersolat, waswas selepas buang air kecil, waswas dalam sumpah, penyakit waswas terhadap sesuatu yang suci, dan waswas semasa melafazkan huruf. Keseluruhan buku ini membincangkan secara ringkas yang memaparkan tipu daya dan kesungguhan usaha syaitan yang sentiasa ingin memainkan dan menyesatkan umat manusia.

Sari Pustaka

SINOPSIS BUKU



HAVEN, JADE
Be your own financial planner : tips on how to manage your own finances
Petaling Jaya : True Wealth, 2011. 105p.
ISBN 978-967-5428-75-3

Good financial planning is the first step for a person to continue to live comfortably in the future. Even if one is wealthy but if there is no knowledge about financial management it creates difficulties in his life. Various ways and methods described in this book to guide the readers such as how to save money for a long time. This book also explains that investment can help someone save money without realizing it. Otherwise this book also tells the reader about the asset accumulation, asset preservation and asset distribution. This book also explains according from the situation and the phenomenon that is happening now and the future. Young people are encouraged to read this book due to the foundation of financial management. However, among parents, teachers, and anyone, it is also suitable to read this book because it gives a lot of benefits.

SINOPSIS BUKU




NAZRI AHMAD
**Bijak mematikan bom
jangka**

Kulim, Kedah : Penerbit Siri Best Cik'E, 2012. 206ms.
ISBN 978-967-11258-08-9

Dalam institusi atau organisasi, biasanya akan berlaku konflik dalaman di kalangan anggota serta ahli yang bernaung di bawahnya. Ia tercetus disebabkan setiap anggota organisasi mempunyai hasrat, keinginan, pemikiran dan kepentingan yang berbeza. Dengan komunikasi yang tidak telus dan berkesan, ia akan memburukkan lagi keadaan dan seterusnya membawa kepada salah faham yang berterusan. Oleh itu, setiap konflik yang berlaku perlu diselesaikan segera dengan penuh bijaksana bagi mengelakkan ia dari berulang pada masa akan datang. Buku ini ditulis dengan menggunakan teknik yang mudah dan santai yang mudah diikuti oleh pembaca dalam menghadapi suasana ketegangan dalam pelbagai situasi. Buku ini boleh dijadikan panduan berguna kepada pembaca mengenai cara-cara mengatasi konflik di tempat kerja atau di mana-mana suasana.

Sari Pustaka

SINOPSIS BUKU



DEPORTER, BOBBY
**Bijak mencatat nota :
langkah demi langkah**

Kuala Lumpur : PTS
Professional, 2011. 62ms.
ISBN 978-967-369-115-9

Memiliki kemahiran mencatat nota yang mudah difahami adalah kelebihan yang diingini oleh setiap orang. Kemahiran tidak akan datang dengan sendirinya sekiranya teknik yang betul mencatat nota tidak diketahui. Buku ini membawa pembaca untuk berkongsi pengalaman dan ilmu agar ianya dapat dimanfaatkan dengan baik. Penggunaan otak kiri dan kanan adalah salah satu faktor untuk menyalin dan menulis nota yang berkesan. Nota berfungsi, otak kita berfungsi, keputusan lebih baik ketika belajar dan mengulangkaji dengan mudah. Apabila nota berfungsi akan memudahkan kita untuk membuat peta minda. Adanya peta minda memudahkan kita mendapatkan gambaran keseluruhan informasi baru tersebut. Teknik melukis peta minda turut dijelaskan oleh penulis dalam bukunya supaya pembaca dapat menjadikan langkah-langkah tersebut sebagai panduan dan rujukan.

SINOPSIS BUKU




YAP, C.K.
Dapatkan pekerjaan idaman anda, lakukan kerja yang anda suka
Petaling Jaya : True Wealth Pub., 2011.
209ms.
ISBN 978-967-5428-65-4

Setiap orang ingin mendapatkan pekerjaan yang *glamor*, mudah, tidak perlu bekerja keras dan berpendapatan tinggi. Tidak mudah untuk mendapatkan kesenangan kecuali kita perlu melaluinya dengan cabaran dan kepayahan. Bak kata pepatah melayu ‘yang bulat tidak datang bergolek dan yang pipih tidak datang melayang’. Judul buku ini telah memberi gambaran kepada pembaca bahawa untuk kita gembira dalam menjalankan tugas perlu kepada perkara yang kita suka lakukan. Pelbagai tip, langkah dan apa yang perlu dilakukan sebelum seseorang itu mencari serta mendapatkan pekerjaan sebagaimana yang dikehendaki. Mencari pekerjaan yang dikehendaki bukan sahaja melalui iklan di akhbar dan internet tetapi sebenarnya peluang pekerjaan itu kadangkala dari orang yang dikenali, orang yang belum dikenali atau pun terus kepada majikan. Setelah mendapat pekerjaan pembaca diberi tips untuk meningkatkan dan menambahkan gaji yang diterima setiap bulan dan cara untuk berbelanja atau menggunakan wang dengan lebih baik. Pengalaman dan ilmu yang diperolehi oleh penulis sepanjang beliau berkerjaya telah dikongsi di dalam buku ini supaya pembaca dapat merasai bersama.

Sari Pustaka


SINOPSIS BUKU



MOKHTAR SAIDIN
Dari zaman batu ke tamadun awal di Malaysia : pemerkasaan jati diri bangsa
Pulau Pinang : Penerbit Universiti Sains Malaysia,
2011. 28ms.
ISBN 978-983-861-506-8

Mokhtar Saidin telah menyingkap sejarah ketamadunan awal di Malaysia. Proses ketamadunan manusia telah membawa perubahan kepada kemajuan teknologi untuk terus membangun sebagaimana di bahagian lain dunia. Perubahan dari zaman Paleolitik ke zaman Neolitik menjadi titik tolak kepada kemajuan pada masa kini. Pembaca dibawa mengenali zaman-zaman tersebut dengan memberikan bukti dan contoh yang boleh digambarkan oleh setiap generasi yang membaca buku ini. Kajian dan penemuan yang dijumpai menunjukkan bahawa sekitar 1,083 juta tahun dahulu, Bukit Bunuh telah ditimpa bencana besar iaitu hentaman meteorit. Kesannya masih boleh dilihat sehingga kini di tapak Bukit Bunuh, iaitu tinggalan bibir kawah dan kawah hentaman dengan diameter berukuran 4 kilometer yang menyebabkan batuan dan sedimen asal Bukit Bunuh lebur dan bertukar menjadi batuan baru yang dikenali sebagai suevit. Penemuan sejarah dan data arkeologi ini dapat membantu pembaca untuk menerbitkan kekuatan jati diri yang boleh diaplikasi agar lebih berdaya saing dan berdaya maju.

SINOPSIS BUKU




YAP

**Driving made easy :
everything new drivers
need to know but don't
know who to ask**

Petaling Jaya : True
Wealth, 2011. 194p.
ISBN 978-967-5428-72-2

This book is intended for all new Malaysian drivers aspiring to get their driving license. By following all the tips, stories and recommendations in this book, you not only stand a good chance of passing your practical driving test on first try, by also to remain a discipline driver after that. The book will describes 33 chapters on the process of getting a Malaysian driving license from start to finish, tips on passing the Highway Code computer test, how to drive up a slope successfully, tips on making a successful 3-point turn, 10 ways of passing JPJ road test, how not to get 'P' driving license suspended, and many more. A lot of information are included in this book to help you to avoid getting traffic summonses, demerit points and steering away from accidents.

SINOPSIS BUKU




**SUWARSI M. ARUKIN
Himpunan masakan
Jawa : langkah demi
langkah**

Shah Alam : Grup Buku
Karangkraf (Alaf 21), 2012.
165ms.
ISBN 978-983-124-761-7

Masyarakat Jawa amat sinonim dengan tempe, pecal, mi Jawa, ayam penyet dan sambal goreng Jawa. Resipi popular ini tidak lagi janggal bagi orang Malaysia walaupun bukanlah datang dari keturunan Jawa. Istimewanya, ia mempunyai cara tersendiri dalam penyediaannya. Masakan Jawa terdapat dalam pelbagai versi mengikut daerah atau negeri. Justeru, melalui buku ini, pembaca akan memperolehi variasi resipi yang pelbagai. Ada yang direbus, dikukus, dipanggang dan dijemur. Buku ini mengetengahkan pelbagai menu dan resipi Jawa yang diperolehi daripada pelbagai sumber. Panduan lengkap penyediaan resepi di dalam buku ini amat mudah dan senang untuk dipraktikkan.

SINOPSIS BUKU




ABDUL AZIZ ISMAIL
Indahnya akhlak warisan Rasulullah
Batu Caves, Selangor :
Crescent News (K.L.), 2012.
341ms.
ISBN 978-967-409-014-2

Buku ini memaparkan pelbagai perilaku Nabi Muhammad S.A.W. dan para sahabat baginda serta orang-orang solih dalam ibadah sosial agar perilaku ini dapat dicontohi dan diamalkan dalam kehidupan harian setiap orang Islam. Pada masa kini, kebanyakkan orang Islam hanya tekun melakukan ibadah yang berkaitan langsung dengan Allah S.W.T. seperti bersolah, puasa, berzikir dan sebagainya, tetapi mengabaikan ibadah yang berkaitan dengan ibadah sosial. Pengisian amalan di dunia dan akhirat seharusnya selari agar dapat mengimbangkan kehidupan harian dan membentuk cara hidup yang islamik dan harmoni. Antara ibadah sosial yang dibincangkan di dalam buku ini ialah menyayangi binatang, hidup berjiran, mengutamakan tetamu dan kewajipan menyampaikan dakwah. Ibadah yang dijalankan dengan ikhlas tanpa meminta balasan pasti mendapat balasan pahala tanpa mengira sama ada iaanya berkaitan langsung dengan Allah S.W.T atau sesama manusia.

Sari Pustaka

SINOPSIS BUKU




Inovasi dan kreativiti menjana transformasi pendidikan

Parit Sulong, Johor :
Penerbitan MGCM, 2012.
384ms.

ISBN 978-967-10668-0-5

Terdapat 25 makalah yang merangkumi pelbagai bidang dan mata pelajaran seperti Bahasa Malaysia, Kaunseling, Matematik, Ekonomi, Perdagangan dan Keusahawanan, Sains, Geografi, Pendidikan Khas, Prinsip Perakaunan dan Sejarah. Setiap penjelasan dan tatacara tentang kaedah P&P telah dipaparkan dengan sistematik. Penjelasan tersebut dibantu oleh lakaran grafik dan jadual sehingga memberikan gambaran yang lebih tepat dengan maksud penyampaian. Huraian yang mengiringi grafik lebih memudahkan kefahaman. Himpunan makalah dalam buku ini menambahkan ilmu pengetahuan tentang pengajaran dan pembelajaran (P&P) di sekolah, terutama bagi panduan kepada guru baharu atau bakal guru. Pengalaman mengajar dan kaedah P&P ciptaan para Guru Cemerlang ini sangat relevan untuk diamalkan kerana bersesuaian dengan iklim pendidikan di Negara ini.

SINOPSIS BUKU



RUZAIMI MAT RANI
**Jom melukis :
mengapakah anak anda
perlu pandai melukis**
Batu Caves, Selangor :
Yamani Angle, 2012.
160ms.
ISBN 978-967-5370-47-2

Kemahiran melakar atau melukis penting untuk kanak-kanak bagi membantu menyampaikan idea mereka melalui komunikasi visual. Mereka perlu didedahkan semenjak kecil lagi dengan kemahiran ini. Ia amat penting kepada kanak-kanak kerana mereka sukar berkomunikasi secara percakapan disebabkan oleh perbendaharaan kata yang terbatas. Selain itu, melukis adalah satu kemahiran asas penting kepada seseorang. Ia dapat diaplikasikan ke dalam pelbagai aktiviti termasuk kerjaya dan kehidupan harian. Buku ini dapat membantu untuk memahirkan diri dalam lukisan melalui kaedah sistematik. Luahan idea-idea kreatif dapat disampaikan dengan lebih baik dan mudah tanpa menggunakan huruf maupun tulisan. Ketika berada di alam pekerjaan kelak, komunikasi visual ini juga memudahkan proses memberi arahan kerja dan membuat keputusan. Peringkat ini amat penting untuk menjadikan individu itu lebih berkeyakinan, kreatif dan lebih produktif. Buku ini memaparkan teknik-teknik asas melakar dengan mudah dan menyeronokkan. Tahap imaginasi seseorang juga dapat diuji dengan kebolehan melakar yang dimilikinya.

SINOPSIS BUKU



MOHAMAD IBRANI
SHAHRIMIN ADAM
ASSIM DAN ZAINAL
MADON


Kanak-kanak peringkat awal : perspektif psikologi perkembangan

Semenyih, Selangor :
Awan Metro, 2012. 128ms.
ISBN 978-983-9302-55-4

Kepentingan ilmu pengetahuan dalam perkembangan kanak-kanak adalah perlu kepada semua terutamanya ibu bapa. Ini kerana kematangan anak-anak dalam meneruskan kehidupan bergantung kepada pendidikan awal mereka yang bermula dari rumah. Filosofi Islam dan Barat turut berpendapat bahawa perkembangan emosi, intelek dan jasmani kanak-kanak bermula dari kesempurnaan asuhan yang diperolehi di peringkat bayi. Panduan dan kaedah turut dikongsi oleh penulis dalam buku ini supaya pembaca dapat memanfaatkan serta mengaplikasi dalam kehidupan mereka seharian. Kajian-kajian yang dibuat beserta susunan dari peringkat bayi sehingga peringkat pembesarannya telah memantapkan isi kandungan buku ini agar ianya lebih meyakinkan pembaca. Buku ini membekalkan pembaca dengan cara untuk menanam dan merangsang minat membaca kepada kanak-kanak. Buku yang ditulis dengan bahasa yang mudah difahami, ringkas dan mengandungi pelbagai perkara penting dalam perkembangan kanak-kanak ini amat sesuai dibaca oleh guru prasekolah, pengasuh taman asuhan, ibu bapa, dan penjaga.

Sari Pustaka

SINOPSIS BUKU



ZULKIPLE ABD. GHANI ...
[et al.]
Kepimpinan dan pengurusan : dakwah, media dan ilmu
Bandar Baru Nilai, Negeri Sembilan : Penerbit USIM, 2012. 393ms.
ISBN 978-967-0393-11-7

Kepimpinan dan pengurusan merupakan dua elemen yang saling terkait. Dikatakan bahawa seorang pemimpin ialah seorang pengurus. Manakala tugas-tugas pengurusan memerlukan kepada daya kepimpinan yang tinggi dan karismatik. Dalam konteks semasa, aspek kepimpinan dan pengurusan Islam menjadi lebih mencabar. Pertikaian berhubung dengan masalah kepimpinan dalam Islam dan cabaran pelaksanaannya menjadi isu yang sering dibahas. Buku ini merupakan satu himpunan kertas kerja yang telah dibentangkan oleh kakitangan akademik Fakulti Kepimpinan dan Pengurusan. Buku ini mengandungi perbincangan berhubung persoalan kepimpinan dan pengurusan dalam Islam terutamanya dari aspek dakwah, media dan ilmu. Melalui pembacaan buku ini dapat menambahkan lagi ilmu kepimpinan dan pengurusan dalam bidang dakwah, media dan ilmu masyarakat di Malaysia.

Sari Pustaka

SINOPSIS BUKU




SOFIAN RESALI
Kita tenggelam dalam nafsu

Shah Alam : Grup Buku Karangkraf, 2012. 426ms.
ISBN 978-967-86-0386-7

Alpa, lalai, leka sering kali melingkari kehidupan sehari-hari kita di dunia ini. Kehidupan yang dilalui saban hari adakah di luar jangkaan dan agenda kita. Kelalaian dan kehidupan yang penuh onak dan duri itu telah membawa penulis untuk membantu pembaca bersama-sama menilai dan memuhasabah diri supaya menjadi insan yang lebih baik dan beriman. Banyak kisah-kisah yang diceritakan dalam buku ini dapat memberi motivasi dan tips untuk pelbagai perkara, sebagai contoh tip mengawal kemarahan, menghilangkan sifat dendam dan sifat-sifat yang tercela. Turut dimuat dalam buku ini iaitu kebaikan yang akan diperolehi sekiranya seseorang itu mempunyai sifat-sifat yang terpuji yang amat disukai oleh Allah S.W.T. Buku yang sarat dengan pengajaran dan dikukuhkan pula dengan ayat-ayat Al-Quran ini sesuai dibaca oleh semua terutamanya muslimin dan muslimat yang diberkati Allah S.W.T. yang Maha Pengasih lagi Maha Penyayang.

Sari Pustaka


SINOPSIS BUKU



BADRUL SANI
**Langkah bijak
komunikator hebat**
Kuala Lumpur : Nukilan
Unggul Publication, 2012.
95ms.
ISBN 978-967-0287-36-2

Buku ini mengajar dan memberi pendedahan kepada pembaca untuk menjadi seorang yang berani berbicara. Ia berkisar tentang kisah perjalanan hidup penulis yang pada mulanya seorang pemuda yang pendiam dan takut untuk berkomunikasi dengan orang lain. Namun, beliau telah dapat menghadapi masalah tersebut dan kini sangat dikenali dalam bidang seni bicara serta menjadi ketua jurulatih di Az-Zahrah Multi Intelligence Academy (AMPAC). Buku ini juga boleh dijadikan panduan dalam membentuk jati diri yang unggul dan berkeyakinan. Selain itu, penulis juga menerapkan langkah-langkah dan teknik bagaimana mengenalpasti potensi diri serta perubahan yang perlu dilakukan bagi mencapaikan tujuan tersebut. Gaya bahasa yang mudah dan latihan ringkas turut diselitkan dalam buku ini supaya pembaca dapat lebih memahami teknik yang diterangkan.

SINOPSIS BUKU



FAUZIAH MOHD NOOR
Manisnya kurma ini
Kuala Lumpur : Inteam Pub., 2011. 150ms.
ISBN 978-967-0393-11-7

Pengalaman menjadi anak, pelajar, dan guru telah digarap oleh penulis dalam buku ini. Pengajaran, teladan dan unsur lucu menjadikan buku ini bertambah menarik dan tidak membosankan. Banyak pengajaran yang boleh diguna pakai oleh pembaca untuk diamalkan dan dapat memberi motivasi diri kepada pembaca. Nasihat dan dorongan yang diadaptasi dalam buku ini amat membantu pembaca untuk terus berjuang terutama dalam perjuangan mendapatkan ilmu pengetahuan supaya tidak mudah berputus asa dan lemah, jemu atau pun patah hati. Turut diselitkan tentang suka duka suami isteri yang dapat memberi pengajaran kepada kita bahwasanya hidup ini perlukan kesabaran terhadap ujian dari Allah. Kisah-kisah yang dimuatkan dalam buku ini jika dihayati dapat memberi satu suasana keinsafan dan iktibar serta amat menyentuh jiwa kepada pembaca. Sesuai dibaca oleh semua peringkat umur.

Sari Pustaka

SINOPSIS BUKU




ZARIN ZAIN
**Masalah perubatan
kanak-kanak terjawab :
kompilasi soal jawab
facebook**

Kuala Lumpur : Focus
Intelligence, 2012. 114ms.
ISBN 978-967-10976-0-1

Buku ini menghimpunkan lebih 200 soal jawab berkaitan masalah kesihatan kanak-kanak merangkumi pelbagai jenis penyakit daripada persoalan demam, jaundis, selesema, dan permasalahan susu yang diajukan oleh ibu bapa melalui laman Facebook Dr. Zarin Zain. Beliau merupakan seorang doktor Pakar Perunding Pediatric di sebuah hospital swasta di Kuala Lumpur. Segala persoalan yang dikemukakan dijawab sebaiknya untuk membantu ibu bapa menangani masalah anak-anak mereka. Melalui penggubalan buku ini, beliau berharap dapat memberikan panduan dan penerangan terbaik berdasarkan bidang kepakaran perubatan kanak-kanak berlandaskan pengalaman dan ilmu perubatan yang terkini. Adalah diharap para ibu bapa mendapat manfaat sepenuhnya dari buku ini kerana terdapat banyak persoalan yang begitu berharga daripada ibu bapa yang telah terjawap terkandung di dalamnya.

SINOPSIS BUKU




A.ALI
Membongkar rahsia ar rahnu : (pajak gadai Islam)

Kuala Lumpur : Nukilan Unggul Publication, 2012.
94ms.
ISBN 978-967-0287-38-6

Buku ini ditulis dengan dua (2) matlamat utama, pertama untuk menggalakkan orang ramai khususnya orang Islam untuk menyimpan emas. Matlamat yang kedua pula adalah untuk mengajak orang Islam mengenal dan menggunakan Ar-Rahnu sebagai medium untuk mendapatkan jumlah serta menjauhi pinjaman peribadi. Kebanyakkan pinjaman peribadi telah dilabelkan mengikut syariah, tetapi bunga yang dibayar hampir sama banyak dengan jumlah pinjaman yang dibuat. Buku ini dapat menjelaskan tentang perlunya memilih Ar-Rahnu dan mengelakkan pinjaman peribadi. Terdapat sebelas (11) teknik untuk menambah pendapatan Ar-Rahnu yang selama ini dianggap sebagai saluran terdesak untuk meminjam wang. Sebenarnya Ar-Rahnu merupakan salah satu pelaburan emas, tetapi masih ramai yang tidak menyedari dan mengetahui teknik pelaburannya berbanding amalan biasa untuk melabur emas. Berbanding dengan sistem konvensional, emas yang digadai dalam sistem Ar-Rahnu merupakan insurans/jaminan kerana anda hanya meminjam kira-kira 70% sahaja dari nilai emas. Ia sistem yang baik kerana si peminjam tidak dikenakan riba' dan harga emas sentiasa meningkat.

Sari Pustaka

SINOPSIS BUKU



NIK SYUHARUL APIZO
SAFIEN DAN AHMAD
FADZLI AB. AZIZ
Minda remaja hebat
Kajang, Selangor :
Penerbitan Melur, 2012.
136ms.
ISBN 978-983-44815-8-2

Motivasi penting dalam menentukan kejayaan seseorang remaja. Ia dapat menggerakkan, mengekalkan dan mengarah tingkah laku remaja seperti pemikiran, perasaan dan tindakan untuk mencapai sesuatu matlamat. Motivasi dapat merangsang remaja untuk melakukan sesuatu aktiviti dengan lebih serius untuk mencapai apa sahaja yang dicita-citakan. Untuk itu, remaja perlu diberikan didikan rohani dan jasmani yang seimbang untuk menjamin kebahagiaan dunia dan akhirat. Setiap remaja dilahirkan dengan keupayaan potensi diri masing-masing. Remaja boleh berjaya sekiranya mereka benar-benar gigih mencapai kemahuan. Di samping itu juga, remaja dinasihatkan supaya sentiasa mengingati kekuasaan Allah dan menghambakan diri sepenuhnya padaNya. Kejayaan tidak akan datang bergolek, tetapi remaja perlu menjauhi sifat putus asa serta sanggup menghadapai apa juarintangan demi mencapai kejayaan. Individu yang berjaya tidak akan menganggap kegagalan sebagai pengakhiran hidup, bahkan kegagalan dianggap sebagai satu percubaan dan cabaran untuk mereka terus cemerlang.

Sari Pustaka


SINOPSIS BUKU



IKHTIARUDDIN MD.
YASIM
Mudahnya WordPress
Batu Caves, Selangor :
PTS Netmedia, 2012.
154ms.
ISBN 978-967-369-111-1

Buku ini mendedahkan kaedah pembelajaran bagaimana untuk membina laman blog sendiri. Semua golongan tidak kira remaja, mahupun golongan dewasa dapat mempelajarinya walaupun tanpa asas pengetahuan yang tinggi dalam perisian. Buku ini mengandungi 17 bab yang dibahagikan kepada lima bahagian. Setiap tutorial yang ditunjukkan adalah mengikut turutan daripada satu bab ke bab yang lain. Penulis turut memberikan alamat laman blog yang perlu dibuka oleh pembaca bagi memudahkan mereka memuat turun fail-fail perisian dan skrip yang akan membantu melancarkan proses membina laman blog nanti. Buku ini turut mengandungi ilustrasi bagi memudahkan pembaca mengikuti panduan dan langkah-langkah mudah dalam membina laman blog dengan menggunakan perisian WordPress dalam jangka masa yang singkat.

SINOPSIS BUKU




**Our lived realities :
reading gender in
Malaysia**
Pulau Pinang : Penerbit
Universiti Sains Malaysia,
2011. 192ms.
ISBN 978-983-861-502-0

This is the first gender anthology, produced by the Women's Development Research Centre (KANITA), is centred on the belief that scholarly discourse should not only be frames at the academic level but that they should also be grounded in people's lived realities. This anthology is a collection of essays based on such empirical data utilising a feminist framework and a gender lens offering new insight into the understanding and analysis of local and national issues. The essays are relevant and cover a wide range of topics such as gender and literature, violence against women and women's lack of political representation; women, gender and development discourses; local interventions among poor women; inadequacies of legal codes and procedures; and the shifting boundaries of Islam, jurisprudence and gender in Malaysia. It is a must read for academics, researchers, students-not only in women's and gender studies but also to those in sociology, law and Islamic jurisprudence, economics and development. It should also be read by policy and decision makers including civil society activists who are concerned with issues of social and gender justice in Malaysia.

Sari Pustaka

SINOPSIS BUKU



CONGALTON, RUSSEL G.
DAN GREEN, KASS


Penilaian ketepatan data penderiaan jauh : prinsip dan praktik

Pulau Pinang : Penerbit
Universiti Sains Malaysia,
2011. 159ms.

ISBN 978-983-861-469-6

Penderiaan jauh merupakan suatu koleksi dan interpretasi maklumat tentang sesuatu objek daripada kedudukan yang jauh. Peralatan penderiaan jauh yang paling asas ialah mata dan telinga kita. Manakala sistem penderiaan jauh buatan manusia pula meliputi peralatan pada kapal udara dan satelit. "Pandangan udara" menarik perhatian kerana pemandangan yang diberikan oleh data tersebut mudah difahami dan secara tersendirinya amat berfaedah. Ia diperolehi melalui bantuan teknologi misalnya gambar foto udara dan sistem pengimejan satelit. Kaedah ini menjadi semakin penting dan efisen. Penerimaan serta penggunaan data penderiaan jauh yang meluas bergantung kepada kualiti maklumat peta yang terhasil. Penilaian ketepatan dilakukan untuk memahami kualiti maklumat peta melalui pengenalpastian dan penilaian ralat dalam peta. Penilaian ketepatan boleh berbentuk kualitatif, kuantitatif, mahal atau murah, cepat dan lambat, terancang dan efisen, ataupun sembarang. Lazimnya, peruntukan kewangan terhad merupakan penghalang kepada penilaian setiap unit ruangan dalam sesuatu peta. Objektif buku ini adalah untuk membekalkan pembaca dengan prinsip dan praktikal yang perlu dalam mereka bentuk dan melaksanakan penilaian ketepatan.


SINOPSIS BUKU



KONG, VOON SIN
Press start: your life begins now! : 52 tips on making your life a wonder through self coaching
Petaling Jaya : True Wealth, 2011. 175p.
ISBN 978-967-5428-80-7

This book can be used as your life coach and to take stock as your life, working your personal goals and discovering ways of achieving your ambitions. The author will guide you through 52 brilliant tips and idea to make it happen. Plan the life you want and get the inspiration to do well. Achieved all these with this book and more without becoming broke in your wonderful journey. Throughout this book, you will discover how to find the real you hiding inside the person you think you are, how to reset your motivation and build your passion, how to avoid mistakes and stay attracted to success and how to be smart, good and successful. Practical and instantly implementable, the advice includes everything you need to help start creating and achieving your goal. Start living today by doing what matters: Press Start!


SINOPSIS BUKU



SHUIB SULAIMAN
Prestasi umat cemerlang
Shah Alam : Syeikh
Publisher, 2012. 297ms.
ISBN 978-967-10206-7-8

Bukan mudah hendak mengubah persepsi mengenai prestasi kehidupan menurut ukuran Allah dan Rasul. Hidup dikelilingi oleh pelbagai perkara yang mendorong godaan keinginan nafsu dan syaitan. Kecemerlangan umat itu bermula daripada kecemerlangan individu, pasangan, keluarga dan pemimpin serta masyarakat. Justeru, sebagai umat Islam, sewajarnya kita tidak dibezakan dalam menilai prestasi sumbangan dalam kehidupan. Apa yang lebih penting adalah penilaian dan pandangan tuhan terhadap setiap amalan yang dilakukan sepanjang kehidupan ini. Umat Islam yang cemerlang tidak akan menjadi terlalu fanatik atau menonjolkan ketaksuban sama ada kepada dunia ni mahupun akhirat, kerana ia perlu seimbang untuk mendapatkan keredhaan Allah. Seorang umat Islam tidak akan mendabik dada mencanangkan bahawa hanya dia sahaja yang memiliki kelebihan di kalangan manusia yang lain. Hal ini kerana nilai darjah ketakwaan sahaja yang membezakannya di sisi Allah. Umat yang cemerlang perlu seimbang hubungannya dengan Allah dan sesama manusia.

SINOPSIS BUKU




NORHAYATI AB.
RAHMAN
**Puitika sastera wanita
Indonesia dan Malaysia :
satu bacaan ginokritik**
Pulau Pinang : Penerbit
Universiti Sains Malaysia,
2012. 348ms.
ISBN 978-983-861-425-2

Buku ilimah ini menampilkan satu perbincangan ilmiah dalam bidang kesusasteraan bandingan, khususnya untuk mengesan serta memperlihatkan proses pembentukan puitika dalam penulisan novel di kalangan pengarang wanita di Indonesia dan Malaysia. Analisis ini mengaplikasikan empat model dalam kaedah bacaan ginokritik. Teks-teks yang dipilih merupakan novel-novel yang dihasilkan oleh pengarang wanita terpilih dari Indonesia dan Malaysia. Buku ini mengetengahkan wanita sebagai subjek yang mempunyai imej, pengalaman, suara, keinginan, wawasan, bahasa dan budaya mereka sendiri. Ia turut membincangkan aspek-aspek yang mempengaruhi proses pembentukan puitika dalam penulisan novel di kedua-dua buah negara ini. Penghasilan buku ini diharap dapat membantu pelajar dan pengajar bidang kesusasteraan di semua institusi pengajian tinggi yang menawarkan kursus tersebut dalam program pengajian.

Sari Pustaka


SINOPSIS BUKU



HAMID BAHARI
Ragam khasiat buah delima beserta ramuan tradisional delima
Batu Caves, Selangor :
Ar-Risalah Product, 2012.
88ms.
ISBN 978-967-0268-20-0

Buku ini memberikan maklumat tentang perkara yang berkaitan dengan buah delima, bermula dari asal sehingga kepada cara penanaman tanaman tersebut. Selain itu, buku ini turut menghuraikan jenis penyakit yang dapat dicegah dan diubati dengan ramuan tradisional yang boleh dibuat dari pohon delima. Ini kerana, buah delima didapati mengandungi potassium yang tinggi di samping mineral dan vitamin yang lain. Dengan pengawalan kadar potassium-sodium, buah ini mampu berfungsi dalam mencegah edema dan mengurangkan kadar gula dalam darah. Ilustrasi yang diselitkan dalam buku ini memudahkan pembaca mengenali buah ini dan memahami penyakit yang boleh dirawati olehnya. Antara kebaikan buah delima ialah menghalang pembentukan sel kanser, mencantikkan kulit dan awet muda, mencegah tekanan darah tinggi dan rendah, mengurangkan berat badan, menguatkan rahim dan mencegah sakit jantung.


SINOPSIS BUKU



AKMAL HJ. M. ZAIN
Rahsia di sebalik teh hijau dan kopi
Batu Caves, Selangor :
Crescent News (K.L.),
2012. 99ms.
ISBN 978-967-5950-07-0

Buku ini menceritakan tentang kebaikan teh hijau dan kopi kepada penggunanya. Ia turut menyediakan cara pengubatan dengan menggunakan teh dan kopi serta manfaatnya dari segi kesihatan. Teh hijau adalah minuman yang terkenal, diminum oleh semua orang di seluruh dunia dari generasi ke generasi melebihi sepuluh abad. Ia mengandungi unsur makanan dan unsur kesihatan, mempunyai nilai ekonomi yang tinggi dan membantu pertumbuhan ekonomi sesebuah negara. Teh hijau menjadi minuman yang sangat dominan di seluruh dunia kerana manfaat kesihatannya. Antara penyakit yang dapat dihindari dengan minum teh hijau ialah ekzema, barah, kudis, keletihan, dan tulang rapuh. Kopi pula merupakan sejenis minuman yang dinikmati jutaan orang di seluruh dunia. Terdapat lebih 800 zat berkhasiat di dalam biji kopi. Secawan kopi setiap hari akan dapat menghindarkan penyakit alahan. Kopi juga berkhasiat mengelakkan penyakit barah, asthma, jantung dan parkinson serta bengkak hati.


SINOPSIS BUKU



SYUHAILI OTHMAN DAN
AMALUDIN AB. RAHMAN
**Remaja bijak belanja : tip
dan panduan pengurusan
kewangan dan
perbelanjaan**
Kuala Lumpur : Utusan
Publications & Distributors,
2012. 83ms.
ISBN 978-967-61-2538-5

Siri Motivasi dan Kecemerlangan Utusan terdiri daripada buku-buku yang mengkhususkan kepada konsep pemikiran positif dalam mencapai matlamat diri dan masyarakat. Kupasannya berlegar dalam ruang untuk menyerlahkan keunggulan personaliti dan menghasilkan kecemerlangan dalam perhubungan dengan diri sendiri dan anggota masyarakat. Siri ini sarat dengan konsep dan teknik motivasi untuk menghasilkan kecemerlangan. Melalui buku ini pembaca didedahkan dengan budaya pemakaian, pemakanan dan pengambilan ubat-ubatan. Pembaca akan dibawa untuk memahami persekitaran yang mempengaruhi hidup remaja seperti iklan dan pengaruh jenama. Selain itu, pembaca juga disajikan dengan tatalaku dan adab berbelanja menurut Islam. Panduan dan tip berguna yang terkandung dalam buku ini akan membekalkan ilmu pengetahuan kepada remaja untuk menguruskan kewangan dan perbelanjaan secara bijak, lantas menjadi pengguna yang bijaksana.

SINOPSIS BUKU



MOHD HAIRUDIN AMIN
DAN KAMARUL AZMI
JASMI
**Sekolah agama di
Malaysia : sejarah, isu
dan cabaran**
Johor Bahru : Penerbit
UTM Press, 2012. 148ms.
ISBN 978-983-52-0791-4

Buku ini menceritakan tentang sejarah, perkembangan dan cabaran Pendidikan Islam dan sekolah agama di Malaysia. Isu yang dibincangkan merangkumi sejarah awal Pendidikan Islam di Malaysia sebelum kedatangan penjajah sehingga persaingan yang dihadapi hasil pertembungan dengan agama Kristian. Selain itu, usaha yang dijalankan untuk memartabatkan pelajaran dan sekolah agama dalam laporan pendidikan sepanjang pra dan pro-kemerdekaan melalui Laporan Bernes 1951 sehingga Laporan Jawatankuasa Kabinet 1979 menyebabkan terbentuknya enam aliran sekolah agama turut dibincangkan. Isu dan cabaran dalam pembangunan Sekolah Agama Rakyat (SAR) atau Sekolah Menengah Agama Rakyat (SMAR) turut difokuskan di dalam buku ini. Isi kandungan buku ini menyediakan maklumat terkini tentang perkembangan Pendidikan Islam dan sekolah agama agar perjuangan memartabatkan sekolah agama dan Pendidikan Islam dapat dikembangkan selaras dengan perkembangan zaman yang semakin mencabar.

SINOPSIS BUKU




KHUZAIMAH SULAIMAN
Serlahkan aura guru super

Batu Caves : PTS
Professional Pub., 2012.
248ms.

ISBN 978-967-369-132-6

Menjadi guru super bukan satu impian, tetapi satu kewajipan. Para pendidik wajib menjadi guru yang terbaik dalam perjuangan memandaikan anak bangsa. Bukan mudah mahu menyantuni pelajar, melayan keranah rakan sekerja, dan sekali gus mentadbir seluruh sekolah. Walau bagaimanapun, seorang guru super pasti dapat memikul amanah ini dengan sebaik-baiknya. Buku ini adalah perkongsian pengalaman penulis berkongsi cerita, ilmu, dan pengalaman beliau mendidik para pelajar dan mentadbir sekolah. Kata-katanya bersulam nasihat, tegurannya lembut dalam ketegasan, dan didikannya meresap ke dalam hati. Keseluruhan kandungan buku ini adalah mengenai penjelasan kepada sudut pandangan orang di sekeliling penulis sepanjang beliau bertugas sebagai pengetua di tempat beliau bertugas.


SINOPSIS BUKU



MOHD RAZALI
KAMARUDIN
Skor 5A UPSR
Shah Alam : Grup Buku
Karangkraf (Alaf 21), 2012.
195ms.
ISBN 978-983-124-759-4

Buku ini mendedahkan teknik belajar berkesan yang boleh diikuti oleh para pelajar. Tip-tip belajar yang terkandung di dalamnya bukan sahaja boleh digunakan ketika menghadapi peperiksaan UPSR, malah apa jua peperiksaan yang akan ditempuh sepanjang bergelar pelajar. Setiap pelajar sebenarnya mampu mendapat keputusan yang cemerlang di dalam peperiksaan sekiranya mereka mengamalkan teknik dan strategi belajar yang betul. Ini kerana teknik dan strategi belajar merupakan kunci utama untuk pelajar mendapatkan keputusan yang cemerlang. Topik buku ini merangkumi enam bahagian utama iaitu motivasi 5A, belajar dengan berkesan,mengulangkaji pelajaran, membuat nota ringkas, aktiviti cuti sekolah, bersedia menghadapi UPSR, dan kunci 5A UPSR. Ia turut memuatkan doa-doa dan solat sunat terpilih yang sesuai diamalkan oleh pelajar Islam.


SINOPSIS BUKU



This book is written as a useful guide to assist parents in making the task of teaching their children about money in an easier manner. Throughout this book, parents will discover ideas, suggestions and even more suggestions. This book is not meant to be a manual which readers have to follow step by step but they can pick and choose which ideas suit with them. This book does not contain all the necessary information but merely gives parents some important recommendations or ideas to follow. This book also containing practical strategies and tactics that parents can use to teach their children to grow financially fit.

SIPAGAL, AMY AND LAU,
K.C
**Teaching your kids about
money**
Petaling Jaya : True
Wealth, 2011. 163p.
ISBN 978-967-5428-76-0

SINOPSIS BUKU




AKMAL HJ. M. ZAIN
Tolak bala dengan bersedekah
Batu Caves, Selangor :
Crescent News (K.L), 2012.
167ms.
ISBN 978-967-5950-04-9

Muslim yang bertaqwa akan mendapat manfaat ke atas semua amalan baik yang dilakukan sewaktu hayatnya. Bersedekah atas harta yang halal merupakan amalan yang terpuji jika ia dilakukan dengan ikhlas kerana Allah SWT. Harta yang ditinggalkan oleh seseorang selepas kematiannya adalah hak bagi warisnya dan harta yang disedekahkan ke jalan-Nya akan memberi faedah kembali kepadanya. Dengan bersedekah, seseorang itu akan lebih mensyukuri nikmat yang diperolehi, lebih mendekatkan diri kepada Allah SWT serta dapat menolak bencana dan musibah. Kisah kemurahan Rasulullah SAW dalam bersedekah juga dijadikan contoh terbaik yang boleh diikuti. Buku ini turut menyelitkan petikan ayat-ayat dari al-Quran dan sumber hadith bagi menyokong bukti-bukti mengenai kebaikan bersedekah.

Sari Pustaka

SINOPSIS BUKU



SUNTHARA SEGAR
Urus wang semasa gawat
Batu Caves, Selangor :
PTS Professional Pub.,
2012. 86ms.
ISBN 978-967-369-167-8

Buku ini bertujuan memberikan panduan dan maklumat bagi meningkatkan kemahiran kewangan pembaca. Ia menceritakan tentang dunia kewangan secara am dan pengurusan kewangan yang ringkas agar mudah difahami oleh para pembaca yang kurang faham tentang dunia kewangan. Belajar ilmu kewangan adalah penting agar seseorang itu mampu mengharungi hidup dalam ketidakstabilan ekonomi pada masa kini. Terdapat lima kemahiran yang perlu dikuasai oleh setiap individu dalam menguruskan kewangan masing-masing iaitu persediaan asas yang wajib ada pada setiap orang, hidup selesa dengan berjimat, pengurusan hutang, menambah wang dari sumber luar dan melabur semasa gawat. Setiap topik yang dibincangkan diuraikan secara ringkas dan terang beserta contoh agar lebih mudah untuk difahami. Buku ini sesuai dijadikan panduan untuk mengurus kewangan yang berkesan.